

Walaupun menang satu undi sahaja **Bersedia terus terajui negara**

Oleh HAFIFI HAFIDZ

BANDAR SERI BEGAWAN (Brunei), Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau akan tetap mengekalkan jawatan Perdana Menteri walaupun memenangi jawatan Presiden Umno dengan kelebihan satu undi sahaja dalam perhimpunan agung Umno bulan depan.

Beliau yang juga Presiden Umno, berkata sejak kebangkitan ini ada khabar-khabar angin kononnya beliau akan meletakkan jawatan jika gagal memperolehi majoriti yang besar.

"Ada orang kata saya akan letakkan jawatan kalau menang sedikit, tapi dalam pertandingan ini kalau saya menang dengan satu undi pun, saya akan terus juga," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap di pertemuan dengan kira-kira 100 warganegara Malaysia di Istana Edinburgh, penginapan

rasminya, di sini hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau bertanding untuk mempertahankan jawatan Presiden Umno berlandaskan rekod perkhidmatan dan tidak dengan cara memburukkan mana-mana pihak.

Beliau berkata, walaupun sekarang ada pertandingan untuk merebut jawatan itu, apa yang penting ialah Malaysia terus mempunyai kerajaan yang stabil dan tidak berpecah belah.

"Siapa yang menang dalam perhimpunan agung Umno nanti tidak menjadi perkara

penting, tapi tanpa sokongan 100 peratus daripada ahli-ahli, pemimpin yang menang akan terus dalam ketakutan dan was-was," katanya.

Perdana Menteri menegaskan pemimpin yang menang dan was-was dengan sokongan yang diperolehinya tentu sekali akan takut membuat sesuatu tindakan dan pemimpin seperti itu tidak akan dihormati.

Dr Seri Mahathir berkata, ada negara-negara lain yang ingin melihat pemimpin Malaysia tunduk kepada mereka,

dan jika rakyat tidak bersatu padu, perkara seperti itu akan berlaku.

"Oleh itu walaupun ada pertandingan, apa yang penting sekali ialah kita mempunyai kerajaan yang stabil dan tidak berpecah belah," katanya.

Beliau berharap rakyat Malaysia di Brunei Darussalam tidak gelisah dengan suasana politik di Semenanjung dan juga di Sarawak.

Beliau berkata, di Sarawak, Kerajaan Pusat tetap akan memberi sokongan kepada Kerajaan Negeri yang ada sekarang.

Bincang

Sebelum itu, Perdana Menteri mengadakan perbincangan empat mata dengan Paduka Seri Baginda Sultan Brunei Darussalam, Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddualah.

Perbincangan itu meliputi isu dan masalah semasa serantau, khususnya kerjasama dua hala bagi mengeratkan hubungan Malaysia dengan Brunei Darussalam.

Perdana Menteri sedang dalam lawatan rasmi dua hari ke negara itu.

Rombongan beliau 30 orang diberi sambutan permaidani merah oleh Menteri Kewangan Brunei Darussalam, Pengiran Muda Jefri Bolkiah.

Turut serta dalam rombongan itu ialah Menteri Pengangkutan, Datuk Dr Ling Liong Sik; Menteri Kerja Raya, Datuk S. Samy Vellu dan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Abu Hassan Haji Omar.